

21 JUN 1999

Mahathir-Menteri

SAYA TAK AKAN JADI MENTERI KANAN SETELAH BERSARA, KATA MAHATHIR

Oleh: Ahmad Fuad Yahya

PUTRAJAYA, 21 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini beliau tidak akan menjadi seorang menteri kanan setelah beliau bersara nanti.

"Apabila saya bersara, saya akan bersara sebagai seorang tua. Saya akan menghabiskan masa saya dengan beribadat kerana zaman saya sudah berlalu.

"Saya juga perlu bersedia untuk hari akhirat," kata beliau sebagai menjawab satu pertanyaan pada persidangan berita pada hari pertamanya di pejabat baru beliau di sini.

Dr Mahathir hari ini secara rasmi memulakan tugasnya di pusat pentadbiran kerajaan persekutuan yang baru dan serba moden di sini, yang terletak kira-kira sejam perjalanan dengan kereta dari Kuala Lumpur.

Katanya kompleks pejabat baru itu dibina untuk memenuhi keperluan perdana menteri sekarang dan akan datang, yang menjangkau masa sehingga 100 tahun malah selepas itu.

"Kita tidak merancang untuk diri kita tetapi untuk masa depan negara.

"Seperti bagaimana kita membina Lapangan Terbang Antarabangsa KL untuk tempoh 100 tahun akan datang, begitulah juga kita bina bandar raya ini, untuk 100, 200, 300 tahun akan datang" katanya.

Perdana Menteri berkata, bagi beliau sama ada beliau akan bertugas di pejabat baru atau tidak adalah tidak relevan kerana ia dibina untuk kerajaan-kerajaan Malaysia yang akan datang.

Beliau berkata pejabat baru itu membayangkan sesetengah idea beliau termasuk rekabentuk dan pemandangan secara umum, terutamanya kubah besar di bahagian atas blok pejabat beliau.

Dr Mahathir berkata beliau telah memberi penekanan supaya kubah itu berbentuk bawang seperti yang boleh dilihat di tempat asal beliau, Alor Setar, Kedah.

"Ini adalah sentuhan peribadi saya dan saya harap ia tidaklah teruk sangat pada pandangan mata orang lain.

"Saya harap pengganti saya dan pengganti-pengganti yang seterusnya akan menikmati bangunan ini," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau merancang untuk bersara dalam tahun 1998 untuk memberi masa yang mencukupi kepada penggantinya untuk mengambil alih dan bersiap sedia untuk menghadapi pilihan raya.

Di samping itu tahun itu juga penting kerana Malaysia menjadi tuan rumah beberapa acara penting termasuk Sukan Komanwel.

Sebelum ini Perdana Menteri telah menjelaskan bahawa beliau memutuskan untuk terus memegang jawatan itu apabila beliau terpaksa memecat timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim setelah mendapatinya tidak layak untuk memimpin negara. Beliau sudah melantik timbalan yang baru, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Putrajaya, yang meliputi kawasan 4,581 hektar, merupakan satu daripada dua bandar raya pintar yang dirancang di bawah projek Koridor Raya Multimedia (MSC). Kawasan itu dahulunya merupakan ladang kelapa sawit.

Menurut Perdana Menteri, tataatur projek itu dibuat oleh Jabatan Kerja Raya tanpa penglibatan jururunding asing, dan keseluruhan projek itu direka bentuk, dibina dan diuruskan oleh syarikat Malaysia dengan menggunakan 90 peratus bahan Malaysia.

"Walaupun rekabentuk perabotnya bercorak Perancis, pembuatnya adalah syarikat Malaysia, begitu juga halnya dengan 'chandelier' dan semua barang kelengkapan lain kerana kita mahu menjadikan ini sebagai contoh kemampuan

Malaysia dalam industri pembinaan," katanya.

Dr Mahathir berkata mungkin ada kalangan yang membuat kenyataan yang sinis dan menyindir beliau sebagai perdana menteri yang boros dan membazir dengan projek Putrajaya. Tetapi, katanya, beliau boleh memberi jaminan bahawa kerajaan boleh membuat keuntungan besar daripada projek itu.

"Saya menjangka keuntungan yang akan dibuat oleh kerajaan daripada pembangunan Putrajaya adalah sangat besar... ia bukan satu pembaziran," katanya.

Beliau berkata nilai tanah di kawasan itu sudah meningkat kepada RM100 sekaki persegi di kawasan tengah bandar raya baru itu dan RM85 sekaki persegi di kawasan pinggirnya, berbanding dengan RM7 sekaki persegi ketika kerajaan membelinya.

Dr Mahathir berkata beliau tidak akan terperanjat jika nilai tanah itu meningkat kepada RM5,000 sekaki persegi dalam seratus tahun lagi.

"Memanglah kalau dilihat daripada sudut pandangan sesetengah orang, mereka kata perdana menteri Malaysia yang gila ni, asyik dengan projek mega... ya, kita ada projek mega di sini tetapi ia adalah projek mega yang dirancang dengan baik dan kita mempunyai wang untuk membiayainya," katanya.

Kerajaan telah menubuhkan khusus Perbadanan Pembangunan Putrajaya yang telah memperolehi wang untuk projek-projek berkenaan dan kini menyewa pejabat itu daripada perbadanan berkenaan pada kadar yang berpatutan,

Dr Mahathir berkata kerajaan akan melepaskan sesetengah daripada hartanya di kawasan-kawasan strategik di Kuala Lumpur yang boleh mendatangkan pendapatan wang yang agak besar.

Sebahagian daripada harta itu akan dijual, sebahagiannya digunakan oleh institusi atau universiti manakala yang lainnya akan dijadikan muzium.

"Pejabat saya dan bilik kabinet (di Jalan Datuk Onn) akan dijadikan muzium memandangkan empat perdana menteri Malaysia selepas kemerdekaan bekerja di pejabat itu," katanya.

Dr Mahathir, yang kini tinggal di rumahnya sendiri di Mines Resort City, dijangka berpindah ke kediaman rasminya yang baru di Putrajaya sebelum September tahun ini.

Kediaman rasmi yang baru bagi Timbalan Perdana Menteri juga akan dibina di bandar raya baru itu.

-- BERNAMA

AFY JK NMO